

Ekoran hujan berlarutan sepanjang minggu ini di Kelantan

Kawasan rendah mula banjir

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**

rodelio.taucan@utusan.com.my

RANTAU PANJANG 23 Dis. - Beberapa kawasan rendah di negeri ini terutama di jajahan Pasir Mas mula ditenggelami air ekoran hujan yang berlarutan sepanjang minggu ini.

Bagaimanapun, setakat ini masih belum ada mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir, namun beberapa pusat pemindahan dijangka mula beroperasi esok ekoran paras air Sungai Golok di sini yang meningkat menghampiri paras bahaya.

Portal e-banjir Kelantan di laman web <http://ebanjir.kelantan.gov.my> melaporkan bacaan paras air Sungai Golok setakat pukul 6 petang ini berada pada kedalaman 8.51 meter iaitu melebihi paras amaran dan menghampiri paras bahaya pada kedalaman sembilan meter.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar daerah itu men-

dapati beberapa buah kampung telah dinaiki air iaitu Lubok Gong, Terusan, Bukit Lata, Kerdak, Terusan, Jeram Perdah, Kelawar dan Lancang.

Kebanyakan penduduk kampung yang terjejas sudah bersiap sedia menyimpan barangan keperluan mereka di tempat tinggi dan segelintir daripada mereka bersedia untuk berpindah ke pusat pemindahan banjir.

Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi melaporkan hujan lebat beserta ribut petir akan berlarutan di semua daerah di negeri itu sehingga 29 Disember ini.

Jawatankuasa Bencana Alam Kelantan baru-baru ini telah menjangka berlaku banjir pada musim tengkujuh ini, justeru segala persiapan menghadapinya telah disediakan.

Antara persiapan itu adalah 170 pangkalan hadapan, 110 tempat pendaratan helikopter dan 1,765 petugas di semua daerah seluruh Kelantan.



AIR dari Sungai Golok mula melimpahi kawasan rumah penduduk mengakibatkan banjir di Kampung Tok Deh, Rantau Panjang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ZUHARMAN MOHAMAD NOR